

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN  
MOHD. TAHIR (TEMERLOH)**

**TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN MOHD. TAHIR [ TEMERLOH ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan tentang inisiatif Kementerian untuk meningkatkan kualiti pelaksanaan “*Temporary Road Diversion / Traffic Management Plan*” yang sering kali menimbulkan kesesakan serta kekeliruan pengguna jalan raya akibat dari pembinaan jalan serta utiliti oleh syarikat-syarikat utiliti. Kerosakan tampalan jalan selepas pembinaan juga sering mengakibatkan kesesakan dan kemalangan yang merugikan ekonomi negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia telah menyediakan garis panduan Pelan Pengurusan Trafik atau dikenali juga sebagai *Traffic Management Plan (TMP)* untuk kerja-kerja pembinaan mahupun penyenggaraan jalan yang perlu mematuhi Arahan Teknik Jalan (ATJ 2C/85) Pindaan 2017 - *Manual on Traffic Control Devices Temporary Signs and Work Zones Control*. Tujuan TMP ini adalah untuk memastikan pergerakan dan keselamatan pekerja serta menyediakan laluan selamat untuk pemandu kenderaan, pejalan kaki dan mengelakkan kesesakan lalu lintas.

Manakala bagi kerja-kerja pembinaan jalan raya baharu atau menaik taraf jalan raya sedia ada, *Standard Operating Procedure (SOP)* adalah merangkumi:

- 1) Pelan Pengurusan Trafik (TMP) Sewaktu Pembinaan; di mana ia perlu disediakan oleh Kontraktor di peringkat awal kerja-kerja pembinaan dan perlu disemak oleh Auditor Keselamatan Jalan serta diluluskan oleh Pegawai Penguasa (SO). TMP ini akan diaudit setiap tiga (3) bulan oleh Auditor Keselamatan Jalan sepanjang tempoh pembinaan untuk memastikan keselamatan pengguna jalan raya dan keadaan trafik diuruskan dengan baik;
- 2) *Standard Operation Procedure (SOP)* bagi Keselamatan Pekerja; dan
- 3) *Emergency Response Plan (ERP)* sekiranya berlaku kemalangan di kawasan tapak bina.

Bagi kerja-kerja penyenggaraan di Jalan-Jalan Persekutuan pula, pihak syarikat-syarikat konsesi Jalan Persekutuan perlu mengemukakan Pelan Pengurusan Trafik (TMP) yang telah diperakui oleh Pegawai Pengurusan

Trafik (*Traffic Management Officer*, TMO) kepada JKR Daerah untuk kelulusan sebelum memulakan sesuatu kerja.

Bagi kerja-kerja oleh pihak syarikat utiliti pula, pengemukaan TMP yang disediakan oleh TMO dengan merujuk kepada Arahan Teknik Jalan terkini, merupakan antara syarat yang perlu dipatuhi oleh pihak utiliti sebelum permit (kebenaran) kerja penanaman utiliti dikeluarkan oleh pihak JKR Negeri. Selanjutnya, pihak utiliti perlu memantau kerja-kerja yang dilaksanakan selaras dengan TMP tersebut.

Untuk mengelakkan terjadinya kesesakan lalu lintas yang teruk terutamanya pada waktu puncak, kerja-kerja penyenggaraan jalan raya hanya dibenarkan untuk dilaksanakan pada waktu malam bermula pada pukul 12.00 tengah malam sehingga 5.00 pagi. Kementerian Kerja Raya sentiasa komited dalam melaksanakan program penyenggaraan jalan persekutuan bagi memastikan pengguna jalan raya sentiasa berada dalam keadaan selamat dan selesa.

Sekian, terima kasih